

29/10/2000

Taman Empat Musim di pinggir bandar raya

Hariyati Ariffin

UDARA nyaman dan suasana hijau alam semula jadi mengiringi penulis menyusuri sepanjang jalan Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam sebelum tiba di Taman Iklim Sederhana empat musim, kira-kira dua kilometer dari pintu masuk taman berkenaan.

Keseluruhannya, persekitaran taman itu menggambarkan suasana tenang dan segar dengan pelbagai tumbuhan yang rimbun dan menghijau.

Dapat dirasakan seolah-olah kita berada jauh dalam hutan tropika walaupun pada hakikatnya bandar raya Shah Alam hanya lima kilometer dari tempat berkenaan.

Begitulah uniknya Taman Pertanian yang masih mengekalkan keindahan alam semula jadi tanpa meminggirkan pembangunan infrastruktur yang lain.

Sebaik saja kaki melangkah ke Taman Iklim Sederhana, mata terpukau melihat keindahan bunga beraneka warna dan suasana taman dipenuhi keharuman potpourri yang menusuk hidung.

Keadaannya sama seperti 10 tahun lalu ketika saya mula ke sana, dan mampu mengekalkan keindahannya yang dijaga rapi. Ia turut mengembalikan nostalgia ketika tempat itu menjadi pusat rekreasi paling popular.

Bunga-bunga yang kembang mekar menggamit sesiapa saja untuk melihat dengan lebih dekat bunga berwarna-warni yang diatur kemas di rumah kaca.

Walaupun tempat itu agak kecil namun cukup memberikan satu ketenangan kepada pengunjung, khususnya mereka yang meminati bunga-bunga.

Taman ini suatu masa dulu pernah menjadi tarikan pengunjung ke Taman Pertanian dan adalah tempat rekreasi paling popular di Selangor pada awal 1990-an.

Taman itu, yang pertama seumpamanya di dunia mewujudkan empat musim yang tidak ada di negara kita. Ia memaparkan suatu usaha dan daya kreativiti yang dipuji kerana kewujudannya dapat dijadikan bahan kajian kepada pelajar dan memberi peluang kepada pengunjung yang tidak mampu bercuti di luar negara, menikmati keindahan dan suasana di luar negara.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini apabila Shah Alam sudah mula pesat membangun dan banyak pusat rekreasi didirikan, taman ini agak terpinggir dan kurang mendapat sambutan pengunjung.

Ini mungkin disebabkan kurang publisiti berterusan dan beberapa masalah dalaman yang dihadapi pihak pengurusan.

Menurut pakar hortikultur Taman Iklim Empat musim itu, Imran Mohamad Rus, peredaran musim berlaku di taman ini adalah sama seperti di hemisfera selatan. Ketika ini, hemisfera selatan mengalami musim bunga.

"Itulah sebabnya taman itu kini dipenuhi bunga selari dengan musim bunga di sana," katanya.

Bagi menarik ramai pelawat dan agar tidak menjemukan mereka melihat suasana yang sama, bunga di situ ditukar setiap tiga minggu.

Antara bunga di situ ialah kekwa, dafodil, tulip dan pelbagai lagi dipamerkan untuk tarikan pengunjung. Haruman bunga-bunga di persekitaran Taman Iklim empat musim itu adalah asli.

Menurut Imran, kebanyakan benih bunga diambil dari Holland selain daripada sebuah nurseri di Bukit Fraser, yang membekalkan bunga untuk taman berkenaan.

Selain pelbagai jenis bunga, dusun buah-buahan turut tumbuh subur seperti pokok ceri dan epal yang menjadi tanaman kekal di situ.

Taman Iklim Sederhana empat musim itu diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 1988.

Ia dirasmikan pada 16 Ogos 1990 sempena Hari Peladang. Taman Iklim yang berharga RM9 juta itu mempunyai keluasan 23 meter lebar dan 39 meter panjang.

Empat musim di taman itu ialah musim sejuk, bunga, panas dan gugur, selari dengan iklim empat musim di hemisfera selatan.

Taman ini memastikan suhu sama seperti suhu di luar negara. Suhu pada musim sejuk ialah 7 darjah Celsius bawah paras beku, musim bunga pula purata suhunya di siang hari ialah 15 darjah celsius dan malam 10 darjah celsius.

Pada musim gugur pula suhunya di antara 12 hingga 15 darjah celsius.

Taman Iklim sederhana empat musim ini didirikan sebagai memenuhi keperluan rekreasi taman berkenaan.

Bagi mereka yang ingin melawat taman ini, bayaran masuk ialah RM3 bagi dewasa dan RM1 kanak-kanak.

(END)